



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



BANCI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

**Menelusuri Rantaian Pertanian
Malaysia dari Hulan ke Hiliran**
*Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain
from Upstream to Downstream*

Import Pertanian
Agricultural Imports

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

MENELUSURI RANTAIAN PERTANIAN MALAYSIA DARI HULUAN KE HILIRAN

IMPORT PERTANIAN

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal

<https://open.dosm.gov.my>



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM60.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-906-3

KATA PENGANTAR

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran memaparkan perjalanan komoditi pertanian dari peringkat awal hingga pengguna akhir. Penerbitan ini merupakan inisiatif penting dalam memahami ekosistem pertanian negara secara menyeluruh, merangkumi aspek huluhan dan hiliran. Ini dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kecekapan, cabaran dan peluang dalam rantai nilai pertanian serta kepentingan sektor Pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran merangkumi 19 buku meliputi Sorotan Aktiviti Pertanian, Guna Tenaga dan Gaji & Upah, Import Pertanian, Margin Pasaran dan Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi termasuk komoditi Kelapa sawit, Getah, Koko, Lada, Kayu, Kopi, Padi, Ayam & Telur, Lembu & Kambing, Perikanan, Sayur-sayuran, Buah-buahan, Kelapa dan Ubi kayu. Setiap penerbitan yang dimuatkan memberikan maklumat penting mengenai pengeluaran, pemprosesan, pemasaran serta daya saing sektor pertanian.

Penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembuat dasar, penyelidik, pemain industri, dan masyarakat umum dalam merangka strategi pembangunan sektor pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing. Pemahaman mendalam mengenai rantai nilai pertanian dapat memperkuat ekosistem pertanian dan memastikan kemampanan berterusan sektor ini kepada ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

KANDUNGAN

Muka surat

Kata Pengantar	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Singkatan	viii
Ringkasan Eksekutif	ix
Pengenalan	3
Eksport dan Import Huluhan dan Hiliran Pertanian	9
Eksport dan Import Input Pertanian	15
Eksport dan Import Agromakanan Terpilih	21
Eksport dan Import Agrikomoditi Terpilih	31
Prospek Masa Hadapan	37
Jadual Statistik	43
Nota Teknikal	89
Rujukan	93

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1:	Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan, 2010-2023	41
Jadual 2:	Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan mengikut Sektor, 2010-2023	42
Jadual 3:	Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan dari Huluhan ke Hiliran Pertanian, 2010-2023	45
Jadual 4:	Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan, bagi Huluhan Pertanian, 2010-2023	46
Jadual 5:	Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan, bagi Hiliran Pertanian, 2010-2023	47
Jadual 6:	Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Input Pertanian, 2018-2023	48
Jadual 7:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Lembu & Kerbau), 2018-2023	52
Jadual 8:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Kambing & Bebiri), 2018-2023	53
Jadual 9:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Ayam & Telur), 2018-2023	54
Jadual 10:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Perikanan), 2018-2023	55
Jadual 11:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Bijirin dan Sediaan Bijirin), 2018-2023	57
Jadual 12:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Sayur-sayuran), 2018-2023	58
Jadual 13:	Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Buah-buahan), 2018-2023	62
Jadual 14:	Eksport dan Import Agrikomoditi Pertanian Terpilih (Kelapa Sawit), 2018-2023	67
Jadual 15:	Eksport dan Import Agrikomoditi Pertanian Terpilih (Getah), 2018-2023	68

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 16:	Eksport dan Import Agrikomoditi Pertanian Terpilih (Kayu), 2018-2023	69
Jadual 17:	Eksport dan Import Agrikomoditi Pertanian Terpilih (Koko dan Lada), 2018-2023	70
Jadual 18:	Eksport dan Import Agrikomoditi Pertanian Terpilih (Kopi dan Cili Kering), 2018-2023	71
Jadual 19:	Eksport dan Import Keluaran dan Sediaan Makanan Lain Terpilih (Marjerin & Lelemak dan Sos), 2018-2023	72
Jadual 20:	Kadar Sara Diri dan Kadar Kebergantungan Import bagi Ternakan Terpilih, Malaysia, 2015-2023	73
Jadual 21:	Kadar Sara Diri dan Kadar Kebergantungan Import bagi Perikanan Terpilih, Malaysia, 2015-2023	75
Jadual 22:	Kadar Sara Diri dan Kadar Kebergantungan Import bagi Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2015-2023	78
Jadual 23:	Kadar Sara Diri dan Kadar Kebergantungan Import bagi Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2015-2023	80
Jadual 24:	Purata Kadar Pertukaran Terpilih, 2015-2023	82
Jadual 25:	Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, 2015-2023	83
Jadual 26:	Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Subkumpulan Makanan, 2015-2023	84

SENARAI SINGKATAN

AI	Kecerdasan Buatan
AFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN
BNM	Bank Negara Malaysia
DAN	Dasar Agromakanan Negara
DAKN	Dasar Agrikomoditi Negara
DKN	Dasar Komoditi Negara
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DPN	Dasar Pertanian Nasional
DSMN	Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara
ESG	<i>Environmental, Social and Governance</i>
ETP	Program Transformasi Ekonomi
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
IPG	Insentif Pengeluaran Getah
IoT	<i>Internet of Things</i>
IRSG	International Rubber Study Group
KPK	Kementerian Perlindungan dan Komoditi
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LKM	Lembaga Koko Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MCFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-China
MPB	Lembaga Lada Malaysia
MPOB	Malaysia Palm Oil Board
MRB	Malaysia Rubber Board
MRC	Majlis Getah Malaysia
MTIB	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
PKS	Perusahaan Kecil Sederhana
RM	Ringgit Malaysia
WITS	World Integrated Trade Solution
WTO	World Trade Organization

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran, Import Pertanian menyediakan gambaran menyeluruh mengenai perdagangan antarabangsa yang melibatkan import dan eksport produk pertanian mengikut tahap dalam rantai nilai, bermula daripada input asas pengeluaran sehingga kepada produk akhir. Ia menilai peranan import dalam memenuhi keperluan domestik dan menyokong pembangunan sektor agromakanan negara. Import menjadi perlu apabila pengeluaran tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan industri dan pengguna serta apabila terdapat keperluan terhadap kepelbagaian produk atau kualiti yang sukar diperolehi di dalam negara.

Dari 2010 hingga 2023, eksport pertanian Malaysia bagi segmen huluhan dan hiliran meningkat daripada RM131.8 bilion kepada RM250.9 bilion pada 2022 sebelum menurun kepada RM207.2 bilion pada 2023. Sebahagian besar eksport terdiri daripada produk yang telah diproses, mencerminkan kebergantungan negara kepada pemprosesan dalam menjana nilai tambah. Dalam tempoh yang sama, import meningkat daripada RM59.3 bilion pada 2010 kepada RM135.1 bilion pada 2023, didorong oleh permintaan tinggi terhadap bahan makanan dan input pengeluaran.

Bagi segmen agromakanan terpilih seperti daging, ayam, ikan, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan, nilai eksport pada 2023 direkodkan sebanyak RM12.5 bilion manakala import mencecah RM35.0 bilion. Ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun 2018, iaitu RM8.9 bilion bagi eksport dan RM22.4 bilion bagi import. Corak ini mencerminkan kebergantungan yang berterusan kepada import bagi memenuhi keperluan bekalan makanan dalam negara.

Sementara itu, agrikomoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko kekal menjadi penyumbang utama kepada perdagangan negara. Kelapa sawit melalui segmen huluhan dan hiliran terus menyumbang lebih dagangan, manakala getah dan koko pula menyumbang lebih dagangan melalui produk hiliran seperti sarung tangan getah, tiub getah, coklat dan serbuk koko, walaupun sebahagian bahan mentahnya diimport untuk tujuan pemprosesan.

Penerbitan ini berperanan penting sebagai rujukan dasar dan strategi pembangunan sektor Pertanian negara. Ia membantu mengenal pasti jurang dalam rantai bekalan, menyokong penambahbaikan dasar import serta memperkukuh daya tahan sektor pertanian termasuk sistem agromakanan dan agrikomoditi dalam menghadapi ketidakpastian global.

EXECUTIVE SUMMARY

The publication Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain from Upstream to Downstream Agricultural Imports provides a comprehensive overview of international trade involving the import and export of agricultural products across various stages of the value chain from basic production inputs to final products. It assesses the role of imports in meeting domestic demand and supporting the development of the national agri-food sector. Imports become necessary when local production is insufficient to meet industrial and consumer demand, or when there is a need for product variety or quality that is not readily available domestically.

From 2010 to 2023, Malaysia's agricultural exports in both upstream and downstream segments increased from RM131.8 billion to RM250.9 billion in 2022, before declining to RM207.2 billion in 2023. A significant portion of these exports comprised processed products, reflecting the country's reliance on processing activities to generate the value added. Over the same period, imports rose from RM59.3 billion in 2010 to RM135.1 billion in 2023, driven by strong domestic demand for food items and production inputs.

For selected agri-food products such as meat, poultry, fish, rice, vegetables and fruits, export value in 2023 was recorded at RM12.5 billion, while imports reached RM35.0 billion. This marks a notable increase compared to 2018, which saw RM8.9 billion in exports and RM22.4 billion in imports. The trend highlights continued reliance on imports to ensure sufficient food supply for the nation.

Meanwhile, agro-commodities such as palm oil, rubber and cocoa remain key contributors to the nation's trade performance. Palm oil, through both upstream and downstream segments continues to generate trade surpluses, while rubber and cocoa contribute similarly through downstream products such as rubber gloves, rubber tubing, chocolate, and cocoa powder, despite a portion of raw materials being imported for processing purposes.

This publication serves as an important reference for policy development and strategic planning in the national agricultural sector. It supports the identification of gaps within the supply chain, facilitates improvements to import policies and strengthens the resilience of the agricultural sector including the agri-food and agro-commodity systems in navigating global uncertainties.





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK TERPILIH

PERDAGANGAN ANTARABANGSA

HULUAN DAN HILIRAN

JUMLAH HULUAN DAN HILIRAN

 Nilai Eksport (RM juta)		 Nilai Import (RM juta)		 Imbangan Dagangan (RM juta)	
2022	250,293 (16.1%)	2022	146,615 (11.3%)	2022	103,678 (40.5%)
2010	131,823 (20.6%)	2010	59,338 (11.2%)	2010	72,485 (65.9%)

HULUAN

 Nilai Eksport (RM juta)		 Nilai Import (RM juta)		 Imbangan Dagangan (RM juta)	
2022	120,903 (7.8%)	2022	72,342 juta (5.6%)	2022	48,561 (19.0%)
2010	71,259 (11.2%)	2010	33,308 juta (6.3%)	2010	37,952 (34.5%)

HILIRAN

 Nilai Eksport (RM juta)		 Nilai Import (RM juta)		 Imbangan Dagangan (RM juta)	
2022	129,390 (8.3%)	2022	74,272 juta (5.7%)	2022	55,118 (21.5%)
2010	60,564 (9.5%)	2010	26,031 juta (4.9%)	2010	34,533 (31.4%)

Sumber: Perangkaan Muktimad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

(%) merujuk sumbangan kepada jumlah ekport, import dan imbangan dagangan

Nota:


Perdagangan antarabangsa di segmen huluan merangkumi barangan sektor Pertanian

Perdagangan antarabangsa di segmen hiliran merangkumi barangan sektor Pembuatan yang meliputi Makanan Diproses, Kertas & Keluaran Kertas, Keluaran Getah, Produk Keluaran Berasaskan Minyak Kelapa Sawit, Minuman & Tembakau dan Keluaran Kayu



20 October

2016 - 2030



PENGENALAN

Malaysia dikurniakan kekayaan alam semula jadi yang luar biasa, menjadikannya antara negara yang berpotensi besar dalam sektor Pertanian. Kedudukan geografi di kawasan tropika, iklim panas dan lembap sepanjang tahun serta tanah yang subur membolehkan pelbagai tanaman seperti padi, kelapa sawit, getah, koko dan buah-buahan tropika tumbuh dengan baik. Sumber air yang melimpah daripada sungai serta hujan tahunan yang tinggi turut menyokong aktiviti pertanian sepanjang tahun. Hutan hujan tropika yang kaya dengan biodiversiti pula menyediakan sumber genetik penting untuk pembangunan pertanian negara. Kelebihan sumber semula jadi yang melimpah menjadikan Malaysia memiliki asas yang kukuh untuk mempelbagaikan pengeluaran domestik dan memperluas potensi pertanian ke arah mencapai tahap sara diri makanan dan daya saing yang mampan (WorldAtlas, 2021).

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia berdepan dengan kepelbagaian permintaan pasaran yang mendorong keperluan untuk mengimport pelbagai hasil dan input pertanian bagi memenuhi keperluan makanan serta menyokong rantai pengeluaran tempatan. Justeru, perdagangan antarabangsa memainkan peranan penting bukan sahaja dalam memastikan kelestarian dan ketahanan sistem makanan negara, tetapi juga dalam menjamin kesinambungan bekalan input, menyokong daya saing industri tempatan serta merangsang pembangunan nilai tambah dalam sektor pertanian.



Di peringkat huluhan, import pertanian tertumpu kepada bahan input utama antaranya seperti baja kimia, racun makhluk perosak, benih tanaman, baka ternakan serta makanan ternakan. Sebagai contoh, Malaysia mengimport lebih 3.8 juta tan jagung bijirin pada tahun 2022, menjadikannya antara pengimport utama di rantau ini (USDA FAS, 2022). Kebergantungan terhadap input import ini menjadikan sektor pengeluaran makanan negara terdedah kepada turun naik harga komoditi global, kadar tukaran mata wang serta gangguan bekalan luar.



Sementara itu, di peringkat hiliran, Malaysia mengimport pelbagai produk separa siap dan siap diproses untuk menyokong industri pemprosesan dan memenuhi corak perbelanjaan isi rumah yang semakin kompleks. Produk seperti susu, keju, makanan diproses, buah-buahan dan sayur-sayuran iklim sederhana serta bahan ramuan industri makanan merupakan antara import utama. Corak ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap produk berjenama luar serta menunjukkan ruang yang masih luas untuk industri pemprosesan tempatan diperkukuh (KPKM, 2022).

Daripada sudut keseluruhan, corak import pertanian Malaysia tertumpu kepada dua segmen utama dalam rantaian nilai iaitu peringkat huluhan yang melibatkan input pengeluaran dan peringkat hiliran yang melibatkan produk siap. Walaupun Malaysia masih mengimport pelbagai input dan makanan siap untuk menampung keperluan domestik, negara juga mengekalkan kelebihan daya saing dalam mengeksport komoditi mentah seperti minyak kelapa sawit dan getah asli. Sebagai contoh, Malaysia mengeksport lebih RM40.5 bilion minyak sawit dari Januari hingga Ogos 2023, walaupun sebahagian besar aktiviti pemprosesan dan penjenamaan semula berlaku di negara pengimport (KPK, 2023). Situasi serupa turut berlaku dalam industri getah apabila getah asli Malaysia dieksport ke luar negara untuk diproses menjadi produk bernilai tinggi seperti tayar dan peralatan perubatan (UPM, 2022). Ini menunjukkan bahawa kekuatan eksport Malaysia masih tertumpu kepada peringkat bahan mentah, manakala pemprosesan bernilai tambah berlaku di luar negara..

Bagi sektor agromakanan, kebergantungan terhadap import memberi kesan langsung terhadap keterjaminan makanan negara. Produk asas seperti beras, daging, susu dan sayur-sayuran masih diimport dalam jumlah yang besar kerana pengeluaran tempatan belum mencukupi untuk menampung permintaan. Ketika berlaku krisis seperti pandemik COVID-19 atau konflik geopolitik, bekalan makanan negara terjejas dengan ketara (Nurul Izzati Mohd Ali et al., 2022). Sehubungan itu, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021–2025 bagi memperkukuh pengeluaran tempatan, mengurangkan kebergantungan import dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara (KPKM, 2021).

Dalam masa yang sama, import agrikomoditi tertentu seperti baja fosfat, bahan kimia pemprosesan dan jentera pertanian turut memainkan peranan penting dalam menyokong industri berorientasikan eksport seperti minyak kelapa sawit, getah dan koko. Sektor ini kekal sebagai antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. Sebagai contoh, eksport sarung tangan getah direkodkan mencecah lebih RM11 bilion pada tahun 2023 (BERNAMA, 2024). Sehubungan itu, import agrikomoditi dilihat berpotensi menjadi pemangkin kepada pengeluaran, manakala eksport bernilai tinggi dalam sektor ini mampu menyumbang secara langsung kepada prestasi dagangan negara.

Analisis import pertanian dari hulu ke hilir memberikan gambaran jelas mengenai struktur kebergantungan Malaysia terhadap bekalan luar serta keperluan untuk menyeimbangkan kebergantungan ini dengan pemerkasaan kapasiti pengeluaran domestik. Langkah ini penting bagi menjamin keterjaminan makanan, memacu nilai tambah dalam negara dan meningkatkan daya saing Malaysia dalam rantaian bekalan global.



DASAR-DASAR BERKAIT EKSPORT IMPORT SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA

Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971–1990)

Fokus: Membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat

Strategi:

- Pembukaan tanah baru: (FELDA) kelapa sawit & getah
- Infrastruktur luar bandar: Pembinaan jalan ladang, bekalan elektrik & air, sekolah

Kesan: Kadar kemiskinan turun dari >50% ke ~17% (1990).




Dasar Pertanian Negara (DPN) 1.0 (1984–1991)

Fokus: Meningkatkan pendapatan petani & jamin bekalan makanan.

Strategi:

- Teknologi moden: Traktor, baja kimia, dan benih berkualiti tinggi.
- Diversifikasi tanaman: Tanam kelapa sawit, koko

Kesan: Memodenkan sektor pertanian, meningkatkan pengeluaran dan pendapatan petani.



Dasar Pertanian Negara (DPN) 2.0 (1992–1997)

Fokus: Meningkatkan daya saing pertanian dalam pasaran global.

Strategi:

- Tingkatkan agroindustri: Bangun industri pemprosesan (contoh: minyak masak dari kelapa sawit).
- Dorong eksport produk bernilai tambah: Minyak sawit, getah, dan koko.

Kesan: Tarik penglibatan sektor swasta.



Dasar Pertanian Negara (DPN) 3.0 (1998–2010)

Fokus: Jadikan pertanian sebagai sektor dinamik dan moden.

Strategi:

- Guna teknologi canggih (ICT, bioteknologi).
- Kukuhkan rantai nilai "ladang ke pasaran".

Kesan: Tingkatkan pertanian berasaskan inovasi & pengetahuan.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) 1.0 (2011–2020)

Fokus: Menjamin sekuriti makanan & tingkatkan pendapatan agromakanan.

Strategi:

- Naikkan pengeluaran & produktiviti makanan.
- Kukuhkan logistik & rantai bekalan makanan.

Kesan: Pertanian mampan & mesra alam diperkukuhkan.



Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 (2021–2030)

Fokus: Membangunkan sektor agromakanan mampan, pintar & berdaya tahan.

Strategi:

- Guna teknologi digital (AI, automasi) dalam pertanian.
- Kukuhkan sekuriti makanan dan nutrisi rakyat.

Kesan: 6 objektif, 5 teras dasar, 21 strategi & 77 pelan tindakan dilaksanakan.

Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011–2020

Fokus: Memperkukuh daya saing komoditi utama (sawit, getah, koko, lada, kenaf).

Strategi: Pemodenan teknologi & pensijilan kelestarian (MSPO, RSPO).

Kesan: Lonjak eksport, tingkat pendapatan pekebun kecil.



Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021–2025

Fokus: Menjamin kecukupan bekalan makanan, kurangkan import.

Strategi: Tingkat pengeluaran makanan negara & modenkan teknologi pertanian.

Kesan: Kukuh daya tahan makanan negara, peluang pekerjaan petani.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 (2021–2030)

Fokus: Memastikan kelangsungan bekalan makanan negara.

Strategi: Gunakan teknologi pintar (IoT, AI) & tingkat pengeluaran tempatan.

Kesan: Sektor agromakanan moden, peluang pekerjaan baru.

Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021–2030

Fokus: Transformasi agrikomoditi ke arah moden, lestari & bernilai tambah.

Strategi: Pembangunan produk hiliran & pematuhan kelestarian global (SDG, ESG).

Kesan: Hasil nilai tambah, sokong agenda hijau.



Inisiatif MyAgro Trade (2022)

Fokus: Menyediakan platform digital pemasaran hasil tani terus kepada pengguna.

Strategi: Pendekkan rantai bekalan, permudah jual beli digital.

Kesan: Petani jana pendapatan lebih baik, kurangkan pembaziran hasil.





EKSPORT DAN IMPORT HULU DAN HILIR PERTANIAN

Perdagangan Antarabangsa Hulu dan Hilir Pertanian Malaysia


Perdagangan antarabangsa hulu dan hilir pertanian merangkumi jumlah urus niaga eksport dan import bagi barangan pertanian dalam bentuk mentah serta produk yang telah diproses. Segmen hulu terdiri daripada barangan hasil utama pertanian seperti getah asli, minyak kelapa sawit, biji koko, kayu balak dan lain-lain lagi manakala segmen hilir melibatkan barangan yang telah melalui pemprosesan seperti makanan diproses, kertas dan keluaran kertas, keluaran getah, produk berasaskan minyak kelapa sawit, minuman dan tembakau serta keluaran kayu.

Secara keseluruhan, perdagangan antarabangsa adalah jumlah daripada nilai eksport dan import yang mencerminkan keterlibatan negara dalam rantai bekalan global.

Carta 1 menunjukkan trend jumlah perdagangan hulu dan hilir pertanian Malaysia dari tahun 2010 hingga 2023 di mana nilai perdagangan meningkat daripada RM191.2 bilion pada 2010 kepada nilai tertinggi RM396.9 bilion pada 2022 sebelum menurun kepada RM342.3 bilion pada 2023. Walaupun nilai perdagangan antarabangsa meningkat secara keseluruhan, namun sumbangan sektor ini kepada jumlah perdagangan negara

menunjukkan penurunan sejak 2011, daripada 18.6 peratus kepada 13.0 peratus pada 2023. Ini mencerminkan bahawa sektor pertanian berkembang lebih perlahan berbanding sektor lain seperti pembuatan dan teknologi.

Carta 1: Perdagangan Antarabangsa Hulu dan Hilir Pertanian, 2010-2023



Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM



Carta 2: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Huluhan dan Hiliran Pertanian, 2010-2023



Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM


Carta 2 menunjukkan prestasi eksport, import dan imbangan dagangan bagi aktiviti huluhan dan hiliran pertanian Malaysia bagi tempoh 2010 hingga 2023. Sepanjang tempoh ini, eksport secara konsisten melebihi import, membolehkan negara mengekalkan lebihan dagangan yang positif. Nilai eksport meningkat ketara daripada RM131.8 bilion pada 2010 kepada nilai tertinggi RM250.3 bilion pada 2022, dipacu oleh lonjakan permintaan global terhadap minyak kelapa sawit berikutan gangguan bekalan daripada Ukraine dan Indonesia,

menyebabkan pembeli global beralih kepada Malaysia sebagai pembekal alternatif utama (Reuters, 2022). Dalam masa yang sama, eksport produk hiliran getah seperti sarung tangan turut mencatatkan pertumbuhan luar biasa ketika pandemik COVID-19, dengan nilai eksport produk getah mencecah RM74.0 bilion pada 2021 dan lebih 90.0 peratus daripadanya disumbangkan oleh sarung tangan getah (MRC, 2021).

Walau bagaimanapun, eksport menurun kepada RM207.2 bilion pada tahun 2023 manakala import kekal tinggi pada RM135.1 bilion, menyebabkan imbangan dagangan menyusut kepada RM72.2 bilion. Penurunan ini berpunca daripada penyusutan harga komoditi global serta normalisasi permintaan pasca pandemik COVID-19 (World Bank, 2023; The Star, 2023).



Carta 3: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Hulu Pertanian, 2010-2023



Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Prestasi perdagangan sektor hulu pertanian turut memperlihatkan pola yang selari seperti ditunjukkan di **Carta 3**. Eksport meningkat daripada RM71.3 bilion pada 2010 kepada nilai tertinggi RM120.9 bilion pada 2022, didorong oleh permintaan luar biasa terhadap komoditi utama negara. Namun, penurunan kepada RM94.8 bilion pada 2023 mencerminkan kesan langsung daripada kejatuhan harga pasaran serta permintaan global yang semakin perlahan (The Star, 2023).

Dalam tempoh yang sama, import aktiviti hulu turut mencatatkan peningkatan (CAGR: 5.5%) dengan nilai tertinggi mencapai RM72.3 bilion pada 2022 sebelum menurun sedikit kepada RM66.5 bilion pada 2023 seperti ditunjukkan di **Carta 3**. Peningkatan nilai import ini telah menyumbang kepada penyusutan lebih dagangan aktiviti hulu yang menurun daripada RM38.0 bilion pada 2010 kepada RM28.3 bilion pada 2023.


Selain faktor harga dan permintaan global yang perlahan, penyesuaian ini turut mencerminkan kesan beberapa gangguan luar seperti sekatan eksport beras oleh India, yang memaksa negara pengimport termasuk Malaysia menilai semula kebergantungan terhadap sumber tertentu (FAO, 2023). Keadaan cuaca ekstrem seperti banjir besar dan musim kemarau turut memberi kesan kepada hasil pertanian dan mencetuskan perubahan dalam pola import (UNESCAP, 2023). Dalam masa yang sama, kos pengangkutan yang tinggi serta gangguan logistik dunia menjadikan sebahagian pengeluar lebih berhati-hati dalam merancang pembelian luar (World Bank, 2023). Perkembangan ini menunjukkan bahawa daya saing dagangan aktiviti hulu bukan sahaja bergantung kepada prestasi eksport, tetapi juga keupayaan negara menangani risiko luar dalam pasaran import.



Berbanding dengan aktiviti huluhan yang terkesan dengan peningkatan import dan ketidaktentuan harga pasaran global, aktiviti hiliran pertanian menunjukkan prestasi yang lebih kukuh dan stabil.

Carta 4 menunjukkan peningkatan eksport hiliran yang ketara, terutamanya sejak 2020 dengan nilai tertinggi dicatatkan pada 2021 iaitu RM149.5 bilion sebelum menurun kepada RM112.4 bilion pada 2023. Lonjakan eksport ini dipacu oleh permintaan global yang tinggi terhadap produk makanan diproses, sarung tangan getah dan produk berasaskan minyak kelapa sawit ketika pandemik COVID-19, selain kesan gangguan rantaian bekalan antarabangsa (MRC, 2021; The Star, 2023).

Carta 4: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Hiliran Pertanian, 2010-2023



Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Dalam tempoh yang sama, import aktiviti hiliran meningkat dengan kadar pertumbuhan 7.7 peratus daripada RM60.6 bilion pada 2010 kepada nilai tertinggi RM74.3 bilion pada 2022 dan menurun sedikit kepada RM68.6 billion pada 2023. Lebih dagangan aktiviti hiliran berkurang kepada RM43.8 billion pada 2023 dan kekal sebagai penyumbang positif kepada perdagangan luar negara, membuktikan potensi nilai tambah sebagai asas pertumbuhan mampan bagi sektor pertanian.





EKSPORT DAN IMPORT INPUT PERTANIAN


Perdagangan Antarabangsa Input Pertanian Malaysia

Input pertanian merupakan komponen kritikal yang menyumbang secara langsung kepada peningkatan produktiviti dan daya saing sektor pertanian negara. Penerbitan ini merujuk kepada input-input utama seperti baja, ubat pembunuh kuman/serangga, jentera pertanian, bahan makanan untuk ternakan, ubat-ubatan veterinar serta bahan tanaman untuk pembiakan. Kebergantungan kepada input ini khususnya apabila melibatkan sumber luar menjadikan aspek ketersediaan dan keterjaminan bekalan sebagai faktor penentu kepada kecekapan pengeluaran serta ketahanan rantai bekalan makanan.


Sebahagian besar keperluan ini dipenuhi melalui import yang melibatkan barangan daripada peringkat hulu dan hilir, namun kebanyakannya digunakan secara langsung dalam aktiviti pertanian seperti penanaman dan penternakan. Peranan input ini bukan sekadar menyokong kelancaran operasi di ladang, malah menjadi tunjang kepada kestabilan dan kelangsungan keseluruhan sistem pertanian negara, terutamanya ketika berdepan ketidakpastian pasaran global.

Carta 5 menunjukkan trend eksport, import dan imbalan dagangan input pertanian Malaysia dari 2018 hingga 2023, dengan jurang defisit yang semakin melebar sejak lima tahun kebelakangan ini. Pada 2023, defisit dagangan input pertanian meningkat kepada RM9.7 bilion berbanding RM6.3 bilion pada 2018, didorong oleh peningkatan ketara nilai import yang mencecah RM22.9 bilion pada 2022 dan kekal tinggi pada RM19.4 bilion pada 2023. Walaupun terdapat sedikit peningkatan eksport input pertanian, nilai eksport masih tidak mampu mengimbangi pertumbuhan import. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh kapasiti domestik dalam pengeluaran input strategik bagi mengurangkan defisit dan meningkatkan daya tahan sektor pertanian negara (MOF, 2023).

Carta 5: Eksport, Import dan Imbalan Dagangan Input Pertanian, 2018-2023




Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Carta 6: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Input Pertanian mengikut Jenis Input, 2023

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Carta 6 memaparkan imbangan dagangan input pertanian Malaysia mengikut jenis pada tahun 2023 dan jelas menunjukkan bahawa negara mencatatkan defisit dagangan bagi empat (4) kategori input utama. Bahan makanan untuk ternakan merekodkan defisit tertinggi iaitu RM5.3 bilion, mencerminkan kebergantungan yang tinggi terhadap bahan seperti jagung, soya dan lain-lain lagi yang menjadi asas kepada makanan haiwan. Kebergantungan ini menjadikan kos penternakan lebih terdedah kepada ketidaktentuan harga global dan gangguan bekalan luar negara. Selain itu, defisit ketara turut dicatatkan oleh baja (RM1.54 bilion), ubat-ubatan veterinar (RM1.56 bilion) dan jentera pertanian (RM1.43 bilion) yang menandakan input asas pertanian negara masih belum mencukupi untuk menyokong keperluan tempatan secara mampan.

Input Pertanian (Bahan Makanan untuk Ternakan)

Carta 7: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Input Pertanian (Bahan Makanan untuk Ternakan), 2018-2023

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jagung



Eksport
2018: RM0.8 juta
2023: RM3.3 juta

Import
2018: RM1.4 bilion
2023: RM1.9 bilion

Imbangan Dagangan
2018: -RM1.4 bilion
2023: -RM1.9 bilion

Hampas Soya



Eksport
2018: RM44.0 juta
2023: RM165.9 juta

Import
2018: RM2.4 bilion
2023: RM3.4 bilion

Imbangan Dagangan
2018: -RM2.3 bilion
2023: -RM3.2 bilion


Carta 7 menunjukkan Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan yang ketara bagi bahan makanan untuk ternakan sepanjang tempoh 2018 hingga 2023, dengan import meningkat daripada RM5.9 bilion kepada RM8.4 bilion manakala eksport kekal rendah, menyebabkan defisit melebar daripada RM3.9 bilion kepada RM5.3 bilion.

Bahan makanan ternakan seperti jagung dan hampas soya merupakan penyumbang utama kepada jurang ini, sejajar dengan kebergantungan industri ternakan negara terhadap import bahan makanan haiwan. Bagi jagung, import meningkat daripada RM1.4 bilion pada 2018 kepada RM1.9 bilion pada 2023, manakala eksport kekal rendah menyebabkan imbalan dagangan defisit RM1.9 bilion. Hampas soya pula mencatatkan defisit dagangan lebih besar iaitu RM3.2 bilion pada 2023, meningkat daripada RM2.3 bilion pada 2018. Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia masih belum mempunyai kapasiti pengeluaran tempatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan makanan haiwan dalam negeri, sekaligus meningkatkan risiko apabila berlaku gangguan bekalan atau lonjakan harga global.

Input Pertanian (Baja)



Carta 8: Eksport, Import dan Imbalan Dagangan Input Pertanian (Baja), 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Carta 8 menunjukkan prestasi dagangan baja pertanian dari tahun 2018 hingga 2023, di mana Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan sepanjang tempoh tersebut. Pada 2023, defisit dagangan baja berjumlah RM1.54 bilion, berkurang sedikit berbanding RM2.26 bilion pada 2022, berikutan penyusutan nilai eksport daripada RM6.9 billion kepada RM4.2 bilion dan nilai import daripada RM9.1 bilion kepada RM5.7 bilion. Namun begitu, defisit kekal tinggi dan mencerminkan kebergantungan yang berterusan terhadap import baja, terutamanya baja kimia yang masih


belum mampu dihasilkan secara besar-besaran dalam negara. Situasi ini memperlihatkan keperluan untuk memperkukuh kapasiti pengeluaran domestik serta memperluas pengeluaran baja alternatif tempatan bagi menjamin keterjaminan bekalan dan kelestarian kos pengeluaran sektor pertanian negara.

Input Pertanian (Jentera Pertanian)



Carta 9 menunjukkan defisit dagangan jentera pertanian Malaysia telah melebar secara signifikan daripada RM260.5 juta pada 2018 kepada RM1.43 bilion pada 2023. Ini berpunca daripada peningkatan ketara nilai import jentera kepada RM2.24 bilion pada 2023, berbanding RM1.51 bilion pada 2018, manakala eksport pula menurun kepada RM807.6 juta. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pelaburan dalam mekanisasi dan automasi pertanian semakin berkembang, seiring dengan dasar kerajaan yang menggalakkan pertanian moden melalui pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021–2025 dan penyediaan insentif seperti Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) (KPKM, 2021). Walaupun ini adalah petanda positif ke arah peningkatan kecekapan ladang, kebergantungan terhadap jentera import bernilai tinggi masih memberi tekanan kepada imbalan dagangan dan menekankan keperluan untuk membangunkan kapasiti tempatan dalam industri pembuatan jentera pertanian.

Carta 9: Eksport, Import dan Imbalan Dagangan Input Pertanian (Jentera Pertanian), 2018-2023




Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Input Pertanian (Ubat Pembunuh Kuman/Serangga)



Carta 10: Eksport, Import dan Imbalan Dagangan Input Pertanian (Ubat Pembunuh Kuman/Serangga), 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM


Carta 10 menunjukkan bahawa ubat pembunuh kuman dan serangga mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM135.3 juta pada 2023, meningkat hampir dua kali ganda berbanding RM69.7 juta pada 2018. Peningkatan ini mencerminkan keupayaan industri tempatan dalam pengeluaran dan pengeksporan racun perosak, sejajar dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2021-2030) yang menekankan strategi memperkukuh sekuriti bekalan input pertanian, khususnya melalui pembangunan pengeluaran input tempatan (KPKM, 2021).

Input Pertanian (Ubat-ubatan Veterinar)



Carta 11 menunjukkan bahawa defisit dagangan ubat-ubatan veterinar meningkat secara mendadak daripada RM205.1 juta pada 2018 kepada RM1.56 bilion pada 2023. Kenaikan ini berpunca daripada lonjakan import kepada RM1.58 bilion, manakala eksport kekal rendah pada hanya RM26.6 juta pada 2023. Perkembangan ini mencerminkan kebergantungan ketara terhadap farmaseutikal haiwan import, terutama bagi menangani cabaran penyakit ternakan seperti Selesema Burung dan Penyakit Kaki dan Mulut yang sering menjejaskan industri penternakan negara (MalaysiaNow, 2023; Abdullah Mohamad et al, 2020).

Carta 11: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Input Pertanian (Ubat-ubatan Veterinar), 2018-2023




Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Input Pertanian (Bahan Tanaman untuk Pemiakan)



Carta 12 menunjukkan prestasi dagangan bahan tanaman untuk pembiakan yang semakin positif apabila kedudukan dagangan beralih daripada defisit RM81.0 juta pada 2022 kepada lebih RM6.5 juta pada 2023. Peralihan ini mencerminkan impak daripada salah satu usaha pelaksanaan program pembangunan benih tempatan melalui kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian (DOA), MARDI dan Agrobank, yang menyediakan pensijilan, latihan teknikal serta kemudahan pembiayaan kepada pengeluar benih berdaftar (DAN 2.0, 2021; MARDI, 2023; Agrobank, 2023). Walau bagaimanapun, Malaysia masih mengimport benih dan bahan tanaman tertentu bagi tujuan kepelbagaian genetik, kawalan penyakit dan akses kepada teknologi tanaman berkualiti tinggi, khususnya bagi tanaman hortikultur, florikultur, padi hibrid dan jagung manis. Aktiviti import ini diselia secara ketat di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) bagi memastikan keselamatan bio dan standard kualiti input pertanian kekal terjamin (DOA, 2023).

Carta 12: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan Input Pertanian (Bahan Tanaman untuk Pemiakan), 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM



EKSPORT DAN IMPORT AGROMAKANAN TERPILIH

Perdagangan Antarabangsa Agromakanan Terpilih


Agromakanan terpilih merangkumi komponen utama dalam sistem bekalan makanan negara yang memberi kesan langsung kepada keselamatan makanan dan kesejahteraan pengguna. Skop kategori ini meliputi pelbagai subkomoditi strategik termasuk binatang hidup seperti lembu dan kambing, produk daging dan sediaanannya, hasil perikanan, beras sebagai makanan ruji serta sayur-sayuran dan buah-buahan yang menyumbang kepada keperluan nutrisi harian. Pemantauan prestasi perdagangan bagi agromakanan terpilih adalah penting untuk menilai kebergantungan negara terhadap import, potensi eksport serta daya saing industri pengeluaran makanan domestik.

Imbangan Dagangan bagi Binatang Hidup

Carta 13 menunjukkan pada tahun 2023, Malaysia mencatatkan lebih dagangan tertinggi bagi binatang hidup kategori ayam dan itik sebanyak RM819.6 juta, meningkat berbanding RM773.7 juta pada 2021 dan RM673.5 juta pada 2022, mencerminkan permintaan eksport yang kukuh di pasaran serantau serta daya saing industri ayam tempatan yang stabil dari segi bekalan dan harga.



Carta 13: Imbangan Dagangan bagi Binatang Hidup
Lembu/Kerbau, Kambing/Bebiri dan Ayam/Itik, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM


Sebaliknya, defisit dagangan berterusan direkodkan bagi lembu/kerbau (RM113.4 juta) dan kambing/bebiri (RM27.1 juta) pada 2023, menandakan kebergantungan Malaysia terhadap import ternakan ruminan hidup untuk tujuan sembelihan dan pembiakan, khususnya menjelang musim perayaan. Trend ini sejajar dengan penemuan DAN 2.0, yang menggariskan keperluan meningkatkan kadar sara diri ternakan ruminan melalui pembukaan fidlot komersial, peningkatan produktiviti baka tempatan serta padanan tanah pertanian dengan pengeluaran ruminan bagi mengurangkan kebergantungan import dalam jangka panjang.

Imbangan Dagangan bagi Daging dan Sediaan Daging

Pada tahun 2023, Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan bagi hampir semua kategori produk ternakan, khususnya daging dan sediaan daging lembu/kerbau (RM3.0 bilion), daging ayam/itik (RM1.4 bilion) dan hasil tenusu (RM4.1 bilion) yang kekal tinggi sejak 2018, mencerminkan kebergantungan berterusan terhadap import untuk memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat (**Carta 14**). Walaupun permintaan tempatan stabil, kadar sara diri bagi daging lembu dan susu segar masih rendah, masing-masing sekitar 15.9 peratus dan 66.8 peratus pada 2023. Dalam masa yang sama, kategori telur unggas mencatatkan lebihan dagangan kecil sebanyak RM0.5 bilion, menandakan daya saing industri telur tempatan yang lebih mampan.



Carta 14: Imbangan Dagangan bagi Daging dan Sediaan Daging Lembu/Kerbau, Kambing/Bebiri dan Ayam/Itik, Hasil Tenusu dan Telur Unggas, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPK




Imbangan Dagangan bagi Hasil Perikanan

Imbangan dagangan bagi hasil perikanan Malaysia menunjukkan jurang defisit yang semakin melebar antara tahun 2018 hingga 2023, mencerminkan kebergantungan tinggi kepada import khususnya bagi kategori Ikan Segar, Disejukkan dan Dibekukan yang mencatatkan defisit paling besar sebanyak RM2.4 bilion pada 2023 berbanding RM1.7 bilion pada 2018 seperti ditunjukkan di **Carta 15**. Walaupun terdapat lebih dalam kategori seperti Sediaan Ikan, Krustasea dan Moluska (RM200.9 juta) dan sedikit pemulihan dalam Ikan Hidup pada 2022, lebih tersebut tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan defisit dagangan sektor ini. Kemerosotan ketara dalam nilai eksport Krustasea dan Moluska daripada RM560.7 juta pada 2019 kepada hanya RM44.4 juta pada 2023 turut menekan imbangan keseluruhan.



Carta 15: Imbangan Dagangan bagi Hasil Perikanan, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM




Imbangan Dagangan bagi Beras

Imbangan dagangan beras Malaysia terus mencatatkan defisit yang semakin membesar daripada RM1.6 bilion pada 2018 kepada RM3.5 bilion pada 2023 (**Carta 16**), mencerminkan kebergantungan yang tinggi terhadap import beras bagi menampung kekurangan bekalan tempatan. Trend ini menunjukkan isu struktur dalam sektor penanaman padi seperti hasil per hektar yang rendah, kebergantungan kepada jenis lama dan saiz sawah yang kecil. Keadaan ini memberi cabaran dalam usaha kerajaan untuk mencapai sasaran 75 peratus Kadar Sara Diri (SSR) beras (2023: 56.2%) seperti yang digariskan dalam DAN 2.0.

Justeru, strategi seperti pemodenan sistem pengairan, penggunaan jenis padi baharu yang lebih tahan cuaca serta pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) perlu dipergiatkan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada import beras, sejajar dengan usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Carta 16: Imbangan Dagangan bagi Beras, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Beras



Kadar Sara Diri (SSR)

56.2%

2023

57.9%

2022

60.9%

2021

62.1%

2020




Imbangan Dagangan bagi Sayur-Sayuran

Sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu jenis tropika dan jenis *temperate*. Jenis tropika seperti mangga dan nanas biasanya boleh ditanam dalam iklim panas dan lembap, manakala jenis *temperate* terdiri daripada tanaman seperti epal dan brokoli yang memerlukan suhu sejuk untuk tumbuh. Pembahagian ini penting dalam memahami pola import makanan negara dan potensi untuk pengeluaran tempatan (DAN 2.0, 2021).

Carta 17 menunjukkan bahawa Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan yang meningkat bagi sayur-sayuran dari 2018 hingga 2023, dengan jumlah defisit keseluruhan meningkat daripada RM3.3 bilion pada 2018 kepada RM5.5 bilion pada 2023. Defisit ini didominasi oleh sayur-sayuran jenis *temperate* yang kebanyakannya tidak sesuai ditanam di iklim tropika dan memerlukan import berterusan, iaitu dengan nilai defisit RM4.7 bilion pada 2023.

Sementara itu, sayur-sayuran tropika juga menunjukkan defisit tetapi dalam jumlah yang lebih kecil (RM0.8 bilion pada 2023). Trend ini mencerminkan kebergantungan tinggi terhadap bekalan luar bagi memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat terhadap pelbagai jenis sayur, termasuk yang bukan beriklim tempatan (DAN 2.0, 2021). Keadaan ini menekankan keperluan memperluas teknologi tanaman terkawal seperti rumah hijau dan memperkukuh pengeluaran sayur tempatan berasaskan permintaan pasaran.

Carta 17: Imbangan Dagangan bagi Sayur-Sayuran Tropika dan Sayur-sayuran Temperate, 2018-2023




Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM



Carta 18 menunjukkan bahawa halia mencatatkan defisit dagangan terbesar dalam kategori sayur-sayuran tropika dari 2018 hingga 2023, dengan nilai tertinggi direkodkan pada 2020 sebanyak RM252.5 juta sebelum pulih sedikit kepada RM246.0 juta pada 2023. Trend ini mencerminkan kebergantungan berterusan terhadap halia import, khususnya varieti bersaiz besar yang digunakan secara meluas dalam sektor makanan dan industri. Walaupun Malaysia menghasilkan halia tempatan seperti halia bentong, hasilnya rendah dan tidak mampu memenuhi keperluan pasaran. Justeru, peningkatan produktiviti jenis tempatan melalui penyelidikan, pembangunan benih dan aplikasi teknologi pertanian berasaskan lokaliti perlu diberi tumpuan bagi mengurangkan defisit sedia ada (DAN 2.0, 2021).




Carta 18: Imbangan Dagangan bagi Sayur-Sayuran Tropika, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Carta 19: Imbangan Dagangan bagi Sayur-Sayuran Temperate, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Dalam kategori bahan makanan asas lain, bawang, bawang putih dan ubi kentang turut menunjukkan defisit dagangan yang ketara sejak 2018. Pada 2023, defisit bagi bawang meningkat kepada RM987.4 juta, manakala bawang putih dan ubi kentang masing-masing mencatatkan RM961.4 juta dan RM1.6 billion (**Carta 19**). Malaysia

masih bergantung kepada bekalan import dari negara pengeluaran seperti India, China dan Pakistan bagi memenuhi permintaan domestik.





Ubi kentang berpotensi untuk diperluaskan pengeluarannya secara berskala di kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands, Kundasang dan beberapa lokasi di Kelantan dan Sarawak, namun faktor agroekologi, iklim dan input pengeluaran menjadi kekangan utama. Penanaman bawang merah dan bawang besar pula sukar dikomersialkan disebabkan ketidaksesuaian iklim dengan pengeluaran tempatan hanya tertumpu kepada bawang kecil dan daun bawang dalam skala terhad (MOA, 2023).

Sehubungan itu, strategi sekuriti makanan perlu mengambil kira potensi dan had pengeluaran domestik melalui sokongan kepada petani, pembangunan infrastruktur pertanian serta pengurusan stok simpanan secara strategik. Pendekatan ini selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang menekankan keseimbangan antara pengeluaran dalam negara dan jaminan bekalan makanan yang mampan serta berdaya tahan (DAN 2.0, 2021).




Imbangan Dagangan bagi Buah-buahan

Carta 20 menunjukkan imbangan dagangan buah-buahan Malaysia berada dalam keadaan defisit sepanjang tempoh 2018 hingga 2023, dengan defisit tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 sebanyak RM3.1 bilion sebelum sedikit pulih kepada RM2.6 bilion pada 2023. Defisit ini didorong terutamanya oleh kategori buah-buahan *temperate* seperti epal, anggur dan oren yang tidak sesuai ditanam dalam iklim tropika Malaysia, sekali gus menyebabkan import berterusan dan tinggi sepanjang tempoh tersebut. Kebergantungan ini turut dipengaruhi oleh faktor luaran seperti gangguan rantaian bekalan global dan penyusutan nilai Ringgit, yang meningkatkan kos import barangan makanan asas termasuk buah-buahan *temperate* (World Bank, 2023).




Carta 20: Imbangan Dagangan bagi Buah-Buahan, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM



Carta 21: Imbangan Dagangan bagi Buah-Buahan *Temperate*, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM


Carta 21 pula menunjukkan buah-buahan *temperate* seperti epal dan anggur yang mencatatkan defisit dagangan yang besar dari 2018 hingga 2023, dengan nilai melebihi RM500 juta setahun sejak 2021, manakala oren mencatatkan defisit melebihi RM400 juta. Malaysia masih perlu mengimport buah-buahan ini kerana ia tidak sesuai ditanam dalam iklim tropika serta mempunyai permintaan berterusan bukan sahaja untuk kegunaan harian dan industri makanan dan minuman, tetapi juga bagi memenuhi keperluan musim perayaan pelbagai kaum seperti Tahun Baru Cina dan Krismas.

Sementara itu, prestasi dagangan buah-buahan tropika utama seperti durian, tembikai dan nanas menyumbang kepada lebih dagangan dari 2018 hingga 2023, dengan durian kekal sebagai penyumbang tertinggi sebanyak RM154.6 juta pada tahun 2023. Nilai ini meningkat secara konsisten sejak 2020 berbanding tembikai (RM37.1 juta) dan nanas yang mencatatkan lebih dagangan yang lebih rendah (RM23.5 juta) tetapi stabil. Prestasi ini mendorong peningkatan lebih dagangan keseluruhan bagi buah-buahan tropika Malaysia yang mula mencatatkan nilai positif sejak 2021 sebanyak RM0.2 bilion dan meningkat kepada RM0.5 bilion pada 2023, mencerminkan kekuatan eksport dan daya saing produk tempatan dalam pasaran antarabangsa.



Carta 22: Imbangan Dagangan bagi Buah-Buahan Tropika, 2018-2023

Sebagai contoh, eksport durian Malaysia ke China melonjak selepas pelaksanaan Laluan Perdagangan Hijau serta pemeteraian kerjasama di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) (MITI, 2022). Perkembangan ini selari dengan strategi DAN 2021–2030 yang menekankan pemodenan teknologi dan pensijilan kualiti untuk meningkatkan daya saing industri buah-buahan berpotensi tinggi (DAN 2.0, 2021). Prestasi lebih dagangan yang semakin baik bagi buah-buahan tropika menggambarkan keberkesanan dasar ini dalam meningkatkan sumbangan eksport agromakanan negara.



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM






EKSPORT DAN IMPORT AGRIKOMODITI TERPILIH

Perdagangan Antarabangsa Agrikomoditi Terpilih

Agrikomoditi terpilih merangkumi komponen utama dalam sektor eksport negara yang menyumbang secara signifikan kepada pendapatan eksport dan pembangunan luar bandar. Skop kategori ini meliputi komoditi strategik seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kayu, yang bukan sahaja penting sebagai bahan mentah industri, malah memainkan peranan dalam rantai nilai hiliran domestik dan antarabangsa. Pemantauan prestasi perdagangan bagi agrikomoditi terpilih adalah penting untuk menilai kebergantungan negara terhadap permintaan pasaran global, potensi nilai tambah eksport serta daya saing sektor pengeluaran komoditi negara secara mampan.

Imbangan Dagangan bagi Komoditi Kelapa Sawit

Carta 23: Imbangan Dagangan bagi Kelapa Sawit dan Produk Keluaran Berasaskan Minyak Kelapa Sawit, 2018-2023



Sumber: Data Statistics on Commodities, Palm Oil, KPK




Carta 23 menunjukkan prestasi imbangan dagangan kelapa sawit dan produk berasaskan minyak kelapa sawit Malaysia dari 2018 hingga 2023, dengan pertumbuhan ketara dicatatkan bermula 2020. Lebih dagangan minyak kelapa sawit mencapai nilai tertinggi pada 2022 sebanyak RM74.9 bilion, berbanding RM42.2 bilion pada 2020, menurun sedikit kepada RM54.8 bilion pada 2023. Lonjakan ini dipacu oleh peningkatan harga global akibat gangguan bekalan dari negara pesaing seperti Indonesia yang memperkenalkan sekatan eksport sementara, serta ketegangan geopolitik global yang menjejaskan bekalan minyak makan alternatif seperti minyak bunga matahari dari Ukraine (ASEAN Briefing, 2022). Selain itu, permintaan terhadap produk hiliran seperti oleokimia, sabun, biodiesel dan lemak khas turut melonjak, mencerminkan nilai tambah yang semakin tinggi dalam eksport Malaysia.

Imbangan Dagangan bagi Komoditi Getah



Carta 24 menunjukkan bahawa imbangan dagangan getah asli Malaysia kekal negatif sepanjang 2018 hingga 2023, dengan defisit tertinggi direkodkan pada 2020 sebanyak RM2.9 bilion. Prestasi ini mencerminkan kebergantungan berterusan negara terhadap import bahan mentah bagi menyokong permintaan industri hiliran, khususnya ketika berlaku lonjakan eksport produk berasaskan getah. Walaupun berlaku sedikit penyusutan pada 2022 dan 2023, nilai imbangan kekal dalam julat defisit RM2.0 hingga RM2.8 bilion, menunjukkan isu struktur dalam bekalan getah asli masih belum diselesaikan. Ketidakseimbangan ini menandakan jurang yang ketara antara kekuatan industri hiliran dan keupayaan bekalan hulu domestik.

Carta 24: Imbangan Dagangan bagi Getah Asli dan Keluaran Getah, 2018-2023



Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM



Sebaliknya, imbangan dagangan bagi keluaran getah mencatatkan lebih yang stabil dan kukuh sepanjang tempoh yang sama. Lebih dagangan tertinggi direkodkan pada tahun 2021 sebanyak RM47.9 bilion, sejajar dengan lonjakan eksport ketika permintaan global memuncak semasa pandemik COVID-19. Namun, selepas fasa pemulihan ekonomi dunia, nilai lebih dagangan keluaran getah menurun kepada RM11.7 bilion pada 2023. Trend ini menunjukkan bahawa kekuatan industri hiliran perlu disokong dengan strategi pemerkasaan baharu, termasuk memperluas skop produk bernilai tambah dan meningkatkan daya saing untuk memastikan pertumbuhan eksport kekal mampan dalam era pasca pandemik.


Malaysia kekal sebagai pengeksport utama sarung tangan getah dunia, dengan nilai eksport mencecah USD1.9 bilion pada 2023, mengatasi pesaing terdekat seperti China (USD1.1 bilion) (WITS, 2024). Trend ini menunjukkan keperluan untuk merencanakan semula industri hiliran melalui penghasilan produk bernilai tambah, pemodenan proses pengeluaran dan penyesuaian produk dengan keperluan pasaran eksport agar eksport kekal mampan dalam pasaran global yang semakin kompetitif.

Imbangan Dagangan bagi Komoditi Koko



Carta 25 menunjukkan imbangan dagangan koko Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang kecil sepanjang 2018 hingga 2022, namun beralih kepada defisit sebanyak RM1.1 bilion pada 2023. Walaupun nilai eksport koko menunjukkan aliran meningkat, pertumbuhan import yang lebih tinggi mula menjejaskan kedudukan dagangan. Perubahan ketara ini mencerminkan cabaran struktur dalam industri pemprosesan koko tempatan yang semakin bergantung kepada bahan mentah import untuk memenuhi permintaan global. Sebaliknya, produk hiliran seperti coklat dan sediaan koko menunjukkan prestasi konsisten dengan lebih dagangan sepanjang tempoh yang sama. Pada 2023, lebih dagangan meningkat kepada RM0.9 bilion, tertinggi dalam enam tahun terakhir mencerminkan daya saing produk hiliran yang semakin kukuh. Trend ini menonjolkan kekuatan daya saing produk hiliran koko Malaysia di pasaran global dan mengisyaratkan potensi besar dalam segmen nilai tambah.

Carta 25: Imbangan Dagangan bagi Koko dan Coklat & Sediaan Koko, 2018-2023



Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri bagi Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM


Pertumbuhan ini turut disokong oleh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 serta inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 yang memberi tumpuan kepada inovasi dan penembusan pasaran baharu (EPU, 2021; DAKN, 2021). Pada tahun 2022, Malaysia kekal sebagai pemain penting dalam industri koko global dan kini merupakan pengisar koko keenam terbesar dunia selepas Ivory Coast, Belanda, Indonesia, Jerman dan Amerika Syarikat (ICCO, 2023).



Imbangan Dagangan bagi Komoditi Lada

Carta 26 menunjukkan bahawa Malaysia terus mencatatkan lebih dagangan lada dari 2018 hingga 2023, namun prestasinya semakin merosot. Lebih dagangan tertinggi direkodkan pada 2018 sebanyak RM153.7 juta, menurun kepada RM81.9 juta pada 2023. Penurunan ini berpunca daripada nilai eksport yang menyusut daripada RM200.7 juta kepada RM150.1 juta, di samping peningkatan import hampir dua kali ganda daripada RM38.6 juta (2020) kepada RM68.1 juta (2023). Lonjakan import ini antara lain mencerminkan kebergantungan industri tempatan terhadap bekalan lada luar negara bagi tujuan pemprosesan, terutamanya untuk memenuhi permintaan sektor makanan dan farmaseutikal yang memerlukan kualiti konsisten dari segi saiz dan kandungan piperina (FAO, 2019; MPB, 2022).

Carta 26: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Lada, 2018-2023



Sumber: Data Statistics on Commodities, Pepper, KPK

Pada tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan ketujuh pengeluar lada hitam dunia selepas Vietnam, Brazil, Indonesia, Burkina Faso, India dan Sri Lanka (World Population Review, 2023). Walaupun lada Malaysia khususnya lada Sarawak terkenal dengan kualiti premium, daya saing industri ini di peringkat antarabangsa berdepan cabaran seperti kos buruh yang tinggi, kebergantungan kepada cuaca dan kekurangan varieti berproduktiviti tinggi. Sebagai respon,

DAKN 2021–2030 memberi fokus kepada pembangunan jenis-jenis unggul, peningkatan hasil ladang dan peluasan pasaran eksport bernilai tinggi bagi mengukuhkan semula kedudukan Malaysia dalam pasaran global (DAKN, 2021; KPKM, 2021).




Imbangan Dagangan bagi Komoditi Kayu



Carta 27 menunjukkan bahawa lebih dagangan kayu balak Malaysia terus menyusut secara konsisten dari RM0.8 bilion pada 2018 kepada RM0.5 bilion pada 2023. Trend penurunan lebih dagangan kayu balak ini berterusan sepanjang tempoh enam tahun, mencerminkan sumbangan eksport kayu balak yang semakin kecil dalam keseluruhan perdagangan subsektor kayu-kayan. Dalam masa sama, lebih dagangan bagi kayu gergaji dan kayu kumai kekal stabil dalam lingkungan RM2.3 bilion hingga RM2.5 bilion, menunjukkan masih terdapat permintaan yang berterusan dalam pasaran eksport bagi bahan separa proses.



Carta 27: Imbangan Dagangan bagi Kayu-kayan, 2018-2023



Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Sementara itu, keluaran kayu seperti papan lapis dan papan gentian kekal sebagai penyumbang utama kepada lebih dagangan, walaupun jumlahnya menurun daripada RM12.4 bilion pada 2018 kepada RM9.7 bilion pada 2023. Trend menurun ini mencerminkan cabaran industri dalam menghadapi kos bahan mentah yang semakin meningkat, tekanan logistik global serta perubahan pola permintaan pasaran dunia. Penurunan nilai lebih ini mengisyaratkan keperluan untuk memantapkan strategi nilai tambah dan inovasi produk bagi memastikan industri kekal kompetitif dalam pasaran global yang semakin mencabar.

Bagi mengukuhkan daya tahan industri, kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik PerKayuan Negara (NTISP) 2021–2025 yang menumpukan kepada inovasi teknologi pemprosesan, kelestarian sumber, pembangunan modal insan dan penembusan pasaran baharu. Usaha ini disokong oleh Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021–2030, yang menekankan kepada pembangunan industri perKayuan berasaskan nilai tambah dan mampan bagi memastikan daya saing jangka panjang di peringkat global.



SAYUR
BAJET
3 IKAT
RM 5.00
BOLEH
CAMPUR



PROSPEK MASA HADAPAN

Isu dan Cabaran Import Pertanian Malaysia

Malaysia terus berdepan cabaran besar dalam pengurusan import pertanian dari hulu ke hilir, mencerminkan kebergantungan yang tinggi terhadap bekalan luar dalam tiga komponen utama iaitu input pertanian, agromakanan, dan agrikomoditi. Ketidakseimbangan ini menjejaskan kedudukanimbangan dagangan sektor Pertanian serta memberi tekanan kepada usaha jangka panjang dalam menjamin keselamatan makanan dan kemampanan industri domestik.

Dari sudut input pertanian, Malaysia mencatatkan defisit berterusan dalam import baja, bahan makanan untuk ternakan, racun perosak, ubat-ubatan veterinar, jentera pertanian dan bahan tanaman untuk pembiakan. Kelemahan dalam membina ekosistem pengeluaran tempatan telah memaksa pengeluar bergantung kepada sumber luar. Situasi ini diburukkan lagi dengan penyusutan nilai Ringgit serta peningkatan harga bahan import di pasaran global.

Sebagai contoh, harga baja melonjak berikutan konflik geopolitik dunia dan ketegangan bekalan di pasaran antarabangsa yang menyebabkan kos pengeluaran dalam negara turut meningkat (FFTC, 2024). Gangguan rantaian bekalan semasa pandemik COVID-19 turut mendedahkan kelemahan struktur negara dalam menjamin kelangsungan input asas. Dasar seperti DAN 2.0 dan DAKN 2021-2030 serta Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN 2021-2025) telah dirangka untuk mengurangkan kebergantungan import melalui subsidi baja, galakan penggunaan input tempatan dan insentif jentera (DAN 2.0, 2021; KPKM, 2023).



Pengeluaran input tempatan yang kurang menggalakkan memberi kesan langsung kepada sektor agromakanan. Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan makanan yang tinggi bagi daging, susu, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan makanan proses.

Cabaran agroekologi juga menjejaskan keupayaan menghasilkan bahan makanan beriklim sederhana seperti bawang, epal dan anggur. Pada masa sama, kos pengeluaran tempatan yang tinggi menjadikan produk import lebih murah dan digemari oleh pengguna serta industri pemprosesan. Permintaan domestik turut meningkat sejajar dengan pertambahan penduduk, perubahan gaya hidup serta kepelbagaian budaya pemakanan. Ketidaktentuan cuaca dan bencana iklim turut menjejaskan tempoh masa pengeluaran serta kestabilan bekalan tempatan (KPKM, 2023).



Meskipun Malaysia memiliki kelebihan dalam pengeluaran durian, mangga, nanas dan betik, permintaan terhadap buah import seperti beri, ceri, avocado, kiwi dan plum meningkat terutama di kawasan bandar. Fenomena ini didorong oleh perubahan selera pengguna, persepsi kualiti dan perubahan sosial (EC, 2025).

Usaha mempromosi buah-buahan tempatan seperti kempen "*Malaysia Fruits is the Best*" serta program padanan eksport oleh FAMA masih belum mampu untuk mengimbangi permintaan yang semakin pelbagai. Impak daripada ini telah menyebabkan import buah-buahan mencecah lebih RM4 bilion pada 2023.





Cabaran dalam agromakanan memberi tekanan kepada sektor hiliran agrikomoditi. Walaupun Malaysia kekal sebagai pengeksport utama minyak sawit dan getah, negara tetap mencatat defisit bahan mentah seperti getah asli dan biji koko. Pengeluaran lateks tempatan menurun dan tidak mencukupi untuk industri sarung tangan getah, manakala pengeluaran koko domestik hanya menyumbang kurang 1,000 tan metrik setahun, jauh daripada keperluan industri coklat dan mentega koko (MPIC, 2023).

Dalam sektor perkayuan, larangan eksport balak mentah untuk memacu pemprosesan tempatan menyebabkan kekurangan bahan mentah dalam industri perabot dan papan, ditambah pula dengan persaingan bahan mentah dari negara jiran. Pelan Strategik Industri Perkayuan Negara (NTISP) 2021-2025 serta pelan transformasi getah dan koko telah dirangka bagi mengurangkan defisit ini, namun pelaksanaannya memerlukan pelaburan dan masa (MPIC, 2023).

Keseluruhannya, cabaran import pertanian Malaysia bersifat struktur dan berlapis, melibatkan aspek pengeluaran, dasar, permintaan pengguna dan faktor global. Ketidakseimbangan ini memberi tekanan kepada daya tahan sistem makanan dan industri negara. Bagi mengurangkan kebergantungan import, Malaysia perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik, mempercepat pemodenan pertanian, menggalakkan promosi produk tempatan serta melaksanakan dasar penggantian import yang lebih bersasar dan berfokus kepada pasaran (DAN 2.0, 2021; KPKM, 2023).

Prospek Masa Hadapan

Malaysia menghadapi cabaran besar dalam sektor pertanian apabila kebergantungan terhadap import terus meningkat untuk memenuhi keperluan domestik. Pada tahun 2022, nilai import pertanian Malaysia mencecah AS\$23.9 bilion, manakala eksport berada pada paras AS\$37.4 bilion, dengan agrikomoditi seperti minyak sawit, getah, koko dan kayu-kayan menjadi penyumbang utama kepada lebihan dagangan ini (Trade.gov, 2023). Prestasi eksport agrikomoditi yang kukuh telah membantu menampung defisit dalam agromakanan dan input pertanian, sekali gus mengekalkan imbalan dagangan pertanian negara dalam keadaan positif.

Sebagai perbandingan, negara jiran seperti Thailand mencatatkan lebihan dagangan pertanian sebanyak 926.7 bilion Baht (~AS\$25.4 bilion) antara Januari hingga Oktober 2023 (Nation Thailand, 2023), manakala Vietnam mencatat lebihan AS\$8.7 bilion disumbangkan oleh eksport utama seperti beras, kopi dan buah-buahan (B-Company, 2023). Indonesia pula merekodkan import pertanian melebihi AS\$28 bilion, terutama untuk gandum, soya dan daging lembu (Trade.gov, 2023).



Namun begitu, cabaran ini turut membuka prospek penting bagi Malaysia untuk memacu pembaharuan dasar dan pembangunan tempatan. Dalam konteks input pertanian, kebergantungan terhadap baja, bahan makanan ternakan, racun serangga dan jentera membuka ruang untuk membangunkan industri input domestik yang berdaya saing. Malaysia boleh memperluas penghasilan baja organik, makanan ternakan alternatif seperti larva lalat askar hitam (*Black Soldier Fly*) serta membangunkan jentera pertanian berskala kecil yang sesuai untuk pekebun kecil. Selain itu, teknologi pertanian seperti automasi ladang, sistem pemantauan berasaskan *Internet of Things* (IoT) dan kecerdasan buatan boleh dibangunkan sebagai sektor sokongan baharu yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta mengurangkan tekanan kebergantungan import jangka panjang.

Dalam sektor agromakanan, usaha mengurangkan defisit import seperti daging, sayur dan buah memberi peluang untuk memperkasa pengeluaran tempatan menerusi pendekatan moden seperti Pertanian Dalam Persekitaran Terkawal (*Controlled Environment Agriculture*,



CEA), penternakan bersepadu dan penggunaan pelbagai jenis tahan iklim. Permintaan global yang kukuh terhadap buah-buahan tropika seperti durian, nanas dan pisang pula menunjukkan potensi eksport yang tinggi jika diperkukuh dengan pensijilan Halal, organik dan Amalan Pertanian Baik (GAP). Malaysia juga berpeluang meluaskan model ladang kontrak dan kluster pengeluaran makanan berskala besar di kawasan luar bandar bagi menjamin bekalan makanan yang lebih stabil dan mampan.




Bagi sektor agrikomoditi, permintaan tinggi terhadap bahan mentah seperti getah asli dan biji koko membuka ruang untuk memulihkan semula sektor hulu. Insentif berasaskan hasil pengeluaran dan program pemulihan tanaman boleh digunakan untuk meningkatkan semula pengeluaran getah dan koko. Di samping itu, pengeluaran produk hiliran seperti sarung tangan getah, coklat premium, perabot kayu rekaan khas, kosmetik berasaskan lada serta produk oleokimia boleh dipelbagaikan ke arah pasaran bernilai tinggi dan *niche*.

Malaysia kini merupakan pengeksport utama sarung tangan getah dunia, pengeluar kedua terbesar minyak kelapa sawit dunia selepas Indonesia, serta pengisar koko keenam terbesar global selepas Ivory Coast, Belanda, Indonesia, Jerman dan Amerika Syarikat (LKM, 2023; MPOB, 2023). Pencapaian ini menjadi asas kukuh untuk Malaysia mengekalkan kelebihan daya saing dalam pasaran global, terutamanya menerusi kepelbagaian produk hiliran bernilai tinggi dan pematuhan kepada standard eksport antarabangsa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, prospek masa hadapan sektor pertanian Malaysia terletak pada keupayaan negara untuk melabur dalam kapasiti pengeluaran tempatan, mengukuhkan rantaian bekalan domestik dan memacu transformasi sektor makanan serta komoditi ke arah lebih mampan dan berdaya tahan. Usaha ini perlu diselaraskan dengan DAN 2.0 2021–2030 dan DAKN 2.0 serta aspirasi Ekonomi Madani yang menekankan sekuriti makanan, nilai tambah tempatan, dan kesejahteraan ekonomi demi jangka panjang negara.



JADUAL STATISTIK

Jadual 1: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan, 2010-2023

(RM juta)				
Tahun	Jumlah Perdagangan Antarabangsa	Eksport	Import	Imbangan Dagangan
2010	1,167,651	638,822	528,828	109,994
2011	1,271,488	697,862	573,626	124,236
2012	1,309,318	702,641	606,677	95,964
2013	1,368,687	719,992	648,695	71,298
2014	1,448,354	765,417	682,937	82,480
2015	1,463,134	777,355	685,778	91,577
2016	1,485,783	786,964	698,819	88,145
2017	1,771,349	934,927	836,422	98,505
2018	1,883,391	1,003,587	879,804	123,783
2019	1,844,483	995,072	849,411	145,661
2020	1,784,308	983,827	800,481	183,345
2021	2,228,366	1,241,022	987,344	253,678
2022	2,843,821	1,550,009	1,293,811	256,198
2023	2,637,243	1,426,199	1,211,044	215,155

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 2: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan mengikut sektor, 2010-2023

Tahun	Pertanian				Pembuatan			
	Eksport		Import		Eksport		Import	
	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)
2010	71,259	11.2	33,308	6.3	73,830	11.6	457,026	86.4
2011	94,523	8.5	42,064	7.3	507,488	45.6	481,378	83.9
2012	80,358	11.4	41,212	6.8	94,414	13.4	511,821	84.4
2013	68,799	9.6	35,752	5.5	97,937	13.6	559,806	86.3
2014	69,175	9.0	36,136	5.3	104,051	13.6	589,650	86.3
2015	67,247	8.7	40,690	5.9	80,194	10.3	600,890	87.6
2016	70,424	8.9	39,818	5.7	65,056	8.3	616,311	88.2
2017	78,072	8.4	45,399	5.4	81,836	8.8	729,013	87.2
2018	67,001	6.7	42,928	4.9	89,907	9.0	765,087	87.0
2019	65,958	6.6	43,777	5.2	81,520	8.2	729,313	85.9
2020	71,724	7.3	48,770	6.1	58,414	5.9	687,695	85.9
2021	98,093	7.9	60,754	6.2	69,757	5.6	849,162	86.0
2022	120,903	7.8	72,342	5.6	117,346	7.6	1,076,349	83.2
2023	94,818	6.6	66,505	5.5	106,078	7.4	1,014,118	83.7

Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Nota: (%) merujuk peratusan kepada jumlah perdagangan antarabangsa, eskport dan import.

Jadual 2: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan mengikut sektor, 2010-2023 (samb.)

Tahun	Perlombongan				Lain-lain			
	Eksport		Import		Eksport		Import	
	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)
2010	73,830	11.6	28,411	5.4	4,030	0.6	10,083	1.9
2011	91,382	13.1	37,664	6.6	4,470	0.4	12,521	2.2
2012	94,414	13.4	40,721	6.7	6,074	0.9	12,923	2.1
2013	97,937	13.6	38,050	5.9	5,110	0.7	15,087	2.3
2014	104,051	13.6	42,470	6.2	5,015	0.7	14,681	2.1
2015	80,194	10.3	29,210	4.3	4,485	0.6	14,989	2.2
2016	65,056	8.3	29,465	4.2	5,717	0.7	13,225	1.9
2017	81,836	8.8	44,068	5.3	9,161	1.0	17,942	2.1
2018	89,907	9.0	54,731	6.2	9,608	1.0	17,058	1.9
2019	81,520	8.2	61,083	7.2	7,007	0.7	15,239	1.8
2020	58,414	5.9	48,641	6.1	4,191	0.4	15,375	1.9
2021	69,757	5.6	53,026	5.4	4,740	0.4	24,402	2.5
2022	117,346	7.6	120,948	9.3	7,092	0.5	24,173	1.9
2023	106,078	7.4	113,024	9.3	9,020	0.6	17,397	1.4

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Nota: (%) merujuk peratusan kepada jumlah perdagangan antarabangsa, eskport dan import.

Jadual 2: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan mengikut sektor, 2010-2023 (samb.)

(RM juta)

Tahun	Imbangan Dagangan			
	Pertanian	Perlombongan	Pembuatan	Lain-lain
2010	37,951.53	32,677.07	45,418	-6,053
2011	52,458.86	26,109.98	53,718	-8,051
2012	39,145.40	9,973.87	53,694	-6,849
2013	33,046.61	-11,659.70	59,887	-9,977
2014	33,039.04	-2,475.15	61,581	-9,666
2015	26,557.79	24,538.55	50,984	-10,504
2016	30,606.03	29,456.37	35,591	-7,508
2017	32,672.97	36,844.81	37,768	-8,782
2018	24,072.95	71,983.79	35,177	-7,450
2019	22,181.88	111,272.80	20,438	-8,231
2020	22,953.82	161,802.67	9,773	-11,184
2021	37,338.74	219,269.56	16,732	-19,662
2022	48,560.60	228,319.78	-3,602	-17,080
2023	28,312.73	202,165.09	-6,946	-8,377

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 3: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Huluhan dan Hiliran Pertanian, 2010-2023

Tahun	Perdagangan Antarabangsa		Eksport		Import		Imbangan Dagangan
	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)
2010	191,162	16.4	131,823	20.6	59,338	11.2	72,485
2011	235,963	18.6	162,774	23.3	73,190	12.8	89,584
2012	225,002	17.2	150,162	21.4	74,840	12.3	75,322
2013	210,690	15.4	138,766	19.3	71,924	11.1	66,842
2014	217,475	15.0	142,985	18.7	74,490	10.9	68,494
2015	227,939	15.6	146,118	18.8	81,821	11.9	64,297
2016	238,212	16.0	153,781	19.5	84,432	12.1	69,349
2017	269,604	15.2	173,149	18.5	96,454	11.5	76,695
2018	255,739	13.6	160,017	15.9	95,721	10.9	64,296
2019	258,981	14.0	162,544	16.3	96,437	11.4	66,106
2020	285,539	16.0	183,355	18.6	102,183	12.8	81,172
2021	378,545	17.0	247,577	19.9	130,968	13.3	116,608
2022	396,907	14.0	250,293	16.1	146,615	11.3	103,678
2023	342,310	13.0	207,235	14.5	135,075	11.2	72,160

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Nota: (%) merujuk peratusan kepada jumlah perdagangan antarabangsa, eskport dan import.

Jadual 4: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Huluhan Pertanian, 2010-2023

Tahun	Perdagangan Antarabangsa		Eksport		Import		Imbangan Dagangan
	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)
2010	104,567	9.0	71,259	11.2	33,308	6.3	37,952
2011	136,587	10.7	94,523	13.5	42,064	7.3	52,459
2012	121,570	9.3	80,358	11.4	41,212	6.8	39,145
2013	104,551	7.6	68,799	9.6	35,752	5.5	33,047
2014	105,311	7.3	69,175	9.0	36,136	5.3	33,039
2015	107,937	7.4	67,247	8.7	40,690	5.9	26,558
2016	110,241	7.4	70,424	8.9	39,818	5.7	30,606
2017	123,471	7.0	78,072	8.4	45,399	5.4	32,673
2018	109,928	5.8	67,001	6.7	42,928	4.9	24,073
2019	109,735	5.9	65,958	6.6	43,777	5.2	22,182
2020	120,494	6.8	71,724	7.3	48,770	6.1	22,954
2021	158,847	7.1	98,093	7.9	60,754	6.2	37,339
2022	193,246	6.8	120,903	7.8	72,342	5.6	48,561
2023	161,322	6.1	94,818	6.6	66,505	5.5	28,313

Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Nota: (%) merujuk peratusan kepada jumlah perdagangan antarabangsa, eskport dan import.

Jadual 5: Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Hiliran Pertanian, 2010-2023

Tahun	Perdagangan Antarabangsa		Eksport		Import		Imbangan Dagangan
	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)	(%)	(RM juta)
2010	86,595	7.4	60,564	9.5	26,031	4.9	34,533
2011	99,376	7.8	68,251	9.8	31,126	5.4	37,125
2012	103,432	7.9	69,804	9.9	33,628	5.5	36,176
2013	106,139	7.8	69,967	9.7	36,172	5.6	33,795
2014	112,164	7.7	73,810	9.6	38,355	5.6	35,455
2015	120,002	8.2	78,871	10.1	41,131	6.0	37,740
2016	127,971	8.6	83,357	10.6	44,614	6.4	38,743
2017	146,132	8.2	95,077	10.2	51,055	6.1	44,022
2018	145,810	7.7	93,016	9.3	52,794	6.0	40,223
2019	149,246	8.1	96,585	9.7	52,661	6.2	43,924
2020	165,045	9.2	111,631	11.3	53,413	6.7	58,218
2021	219,698	9.9	149,484	12.0	70,214	7.1	79,270
2022	203,662	7.2	129,390	8.3	74,272	5.7	55,118
2023	180,988	6.9	112,418	7.9	68,570	5.7	43,847

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Nota: (%) merujuk peratusan kepada jumlah perdagangan antarabangsa, eskport dan import.

Jadual 6: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Input Pertanian, 2018-2023

Tahun	Jumlah Input Pertanian	Input Pertanian (Baja)		Input Pertanian (Jentera Pertanian)			
		Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Kuantiti ('000 unit)	Nilai (RM juta)
Eksport							
2018	6,974.1	2,208.7	2,533.7	10.0	924.3	1,249.9	
2019	6,854.9	2,380.5	2,699.3	10.7	611.7	1,137.7	
2020	7,208.8	2,311.3	2,483.8	8.8	774.9	861.4	
2021	9,295.4	2,258.3	3,968.6	10.6	418.5	986.7	
2022	13,237.9	2,263.2	6,875.9	7.2	1,337.6	1,014.6	
2023	9,684.8	2,328.9	4,170.4	10.9	13,134.0	807.6	
Import							
2018	13,291.7	4,685.4	4,507.6	59.0	989.6	1,510.4	
2019	12,206.1	3,459.4	3,483.0	46.0	241.4	1,350.4	
2020	12,289.2	3,536.6	3,342.4	36.4	709.3	1,156.1	
2021	16,457.8	4,489.0	5,454.0	40.1	7,202.1	1,388.6	
2022	22,899.5	3,886.4	9,140.3	39.1	358,923.4	1,627.3	
2023	19,379.4	3,694.1	5,710.3	61.4	249,477.6	2,238.5	
Imbangan Dagangan							
2018	-6,317.6		-1,973.9				-260.5
2019	-5,351.2		-783.7				-212.6
2020	-5,080.5		-858.7				-294.7
2021	-7,162.4		-1,485.4				-401.8
2022	-9,661.6		-2,264.4				-612.7
2023	-9,694.6		-1,539.9				-1,430.9

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 6: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Input Pertanian, 2018-2023 (samb.)

Tahun	Input Pertanian (Ubat Pembunuh Kuman/Serangga)		Input Pertanian (Ubat-ubatan Veterinar)		Input Pertanian (Bahan Tanaman untuk Pembiakan)		
	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 unit)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport							
2018	124.0	1,145.1	0.46	18.2	18,766.9	11.9	82.1
2019	90.0	967.4	0.22	12.2	6,225.9	21.6	90.2
2020	120.8	1,320.5	0.12	9.6	3,595.9	20.9	64.0
2021	121.9	1,352.1	0.19	12.3	4,444.0	24.4	92.3
2022	106.0	1,648.7	0.07	30.9	4,561.8	20.6	115.0
2023	99.4	1,412.4	0.25	26.6	5,156.3	49.3	140.3
Import							
2018	99.6	1,075.4	3.2	223.2	1,594.1	11.1	105.4
2019	97.0	1,079.2	3.3	230.0	1,881.9	33.7	143.3
2020	102.8	1,264.8	3.4	224.8	1,845.4	34.9	148.1
2021	113.1	1,435.6	3.1	218.2	2,068.9	39.7	198.2
2022	108.0	1,525.6	5.1	979.9	2,926.8	40.4	196.0
2023	91.4	1,277.1	4.0	1,584.6	1,438.4	22.3	133.6
Imbangan Dagangan							
2018		69.7		-205.1			-23.3
2019		-111.8		-217.9			-53.1
2020		55.7		-215.2			-84.2
2021		-83.5		-206.0			-105.9
2022		123.1		-949.0			-81.0
2023		135.3		-1,558.0			6.5

Sumber: Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 6: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Input Pertanian, 2018-2023 (samb.)

Tahun	Input Pertanian (Jumlah Bahan Makanan untuk Ternakan)		Input Pertanian (Jagung (tidak termasuk jagung manis)		Input Pertanian (Hampas Kacang Soya)	
	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	2,773.0	1,945.1	0.6	0.8	24.7	44.0
2019	3,529.0	1,948.0	1.8	2.2	43.7	73.5
2020	3,075.2	2,469.5	4.9	5.3	63.5	117.3
2021	2,770.0	2,883.5	2.6	2.9	84.2	209.1
2022	2,916.9	3,552.8	1.8	3.9	69.6	188.2
2023	2,623.9	3,127.5	1.9	3.3	60.3	165.9
Import						
2018	3,606.4	5,869.7	1,517.0	1,369.8	1,379.7	2,381.8
2019	3,843.2	5,920.2	1,721.9	1,514.1	1,389.2	2,161.9
2020	4,011.4	6,152.9	2,004.2	1,728.8	1,352.0	2,185.6
2021	3,777.4	7,763.3	1,788.8	2,387.4	1,248.7	2,606.8
2022	3,789.1	9,430.5	1,797.1	2,889.1	1,331.2	3,443.7
2023	3,433.7	8,435.3	1,377.6	1,938.7	1,286.8	3,374.9
Imbangan Dagangan						
2018		-3,924.6		1,369.0		-2,337.9
2019		-3,972.1		-1,511.9		-2,088.4
2020		-3,683.4		-1,723.5		-2,068.3
2021		-4,879.8		-2,384.5		-2,397.7
2022		-5,877.7		-2,885.2		-3,255.5
2023		-5,307.8		-1,935.4		-3,209.0

Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 6: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan bagi Input Pertanian, 2018-2023 (samb.)

Tahun	Input Pertanian (Hampas Daging)		Input Pertanian (Hampas Isirung Kelapa Sawit)		Input Pertanian (Lain-lain)	
	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	1.4	4.6	2,401.1	1,135.3	345.3	760.4
2019	454.3	8.2	2,584.4	1,045.4	444.9	818.8
2020	3.4	9.9	2,529.5	1,295.3	473.9	1,041.8
2021	4.3	13.9	2,246.3	1,395.0	432.6	1,262.7
2022	6.0	22.7	2,367.3	1,710.8	472.2	1,627.2
2023	11.7	28.6	2,103.3	1,508.0	446.6	1,421.7
Import						
2018	77.4	261.5	27.0	34.2	605.3	1,822.3
2019	94.0	245.5	31.8	65.7	606.2	1,933.0
2020	99.2	282.3	42.0	48.8	514.0	1,907.4
2021	120.6	363.7	31.6	58.7	587.6	2,346.7
2022	111.7	458.0	22.6	50.0	526.4	2,589.8
2023	138.4	487.4	57.0	144.5	574.0	2,489.8
Imbangan Dagangan						
2018		-256.9		1,101.1		-1,062.0
2019		-237.3		979.7		-1,114.2
2020		-272.5		1,246.5		-865.6
2021		-349.8		1,336.3		-1,084.0
2022		-435.3		1,660.9		-962.6
2023		-458.8		1,363.5		-1,068.1

Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, DOSM

Jadual 7: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Lembu / Kerbau), 2018-2023

Tahun	Binatang Hidup Lembu / Kerbau		Daging & Sediaan Daging Lembu / Kerbau	
	Kuantiti (ekor)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan metrik)	Nilai (RM juta)
Eksport				
2018	123	0.1	3.4	69.8
2019	902	1.1	4.4	72.7
2020	1,096	1.4	3.4	84.5
2021	1,017	1.4	8.3	176.6
2022	1,343	1.8	11.0	217.1
2023	217	0.3	17.2	310.2
Import				
2018	75,974	134.8	165.1	2,173.7
2019	37,957	115.6	159.2	2,008.4
2020	43,041	145.8	161.9	2,215.7
2021	40,177	176.0	169.0	2,405.9
2022	27,615	103.3	220.9	3,378.3
2023	44,108	113.7	221.0	3,262.3
Imbangan Dagangan				
2018		-134.7		-2,103.9
2019		-115.6		-1,935.7
2020		-145.8		-2,131.3
2021		-174.6		-2,229.3
2022		-103.3		-3,161.2
2023		-113.4		-2,952.1

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 8: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Kambing / Bebiri), 2018-2023

Tahun	Binatang Hidup Kambing / Bebiri		Daging & Sediaan Daging Kambing / Bebiri		Hasil Tenusu	
	Kuantiti (ekor)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	60	0.02	234.7	4.23	171.9	1,241.6
2019	-	-	31.9	0.58	175.6	1,326.2
2020	-	-	51.4	1.05	175.5	1,294.5
2021	80	0.03	47.2	0.93	151.9	1,146.1
2022	-	-	92.8	2.50	111.6	1,123.2
2023	130	0.07	243.7	7.10	123.2	1,280.5
Import						
2018	60,303	49.2	36,301	732.9	395.7	3,839.3
2019	51,969	43.2	31,349	679.5	403.6	4,148.9
2020	37,361	28.4	37,828	879.4	398.2	4,421.6
2021	39,062	27.4	29,296	767.9	422.2	4,978.6
2022	22,375	20.6	43,232	1,280.3	423.6	6,257.6
2023	28,457	27.2	37,007	772.4	397.3	5,388.0
Imbangan Dagangan						
2018		-49.2		-728.7		-2,597.7
2019		-43.2		-678.9		-2,822.7
2020		-28.4		-878.4		-3,127.1
2021		-27.4		-767.0		-3,832.5
2022		-20.6		-1,277.8		-5,134.4
2023		-27.1		-765.3		-4,107.5

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 9: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Ayam & Telur), 2018-2023

Tahun	Binatang Hidup Ayam / Itik		Daging & Sediaan Daging Ayam / Itik		Telur Unggas	
	Kuantiti (juta ekor)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (‘000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	61.3	775.1	39.4	477.0	121.0	589.9
2019	60.6	766.2	42.0	553.5	1,095.0	610.3
2020	61.5	768.6	42.3	508.9	103.1	536.3
2021	60.5	844.5	47.9	636.4	114.1	617.3
2022	40.1	743.4	47.3	738.41	74.4	685.6
2023	41.4	915.1	41.3	709.73	64.0	692.2
Import						
2018	2.3	82.8	71.7	634.9	2.9	22.7
2019	1.6	66.5	72.6	663.3	20.5	23.5
2020	1.7	70.9	69.9	593.0	2.0	22.6
2021	2.6	70.8	96.5	767.8	1.8	26.8
2022	1.0	69.9	176.5	1,592.0	1.9	52.1
2023	1.3	95.5	237.9	2,082.4	1.4	46.6
Imbangan Dagangan						
2018		692.3		-157.8		567.2
2019		699.7		-109.8		586.8
2020		697.7		-84.1		513.7
2021		773.7		-131.4		590.5
2022		673.5		-853.6		633.5
2023		819.6		-1,372.7		538.3

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 10: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Perikanan), 2018-2023

Tahun	Ikan Hidup		Ikan Segar, Disejukkan dan Dibekukan		Ikan Kering, Asin dan Asap	
	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	2.9	50.6	82.3	522.4	13.4	126.0
2019	2.8	47.2	96.7	607.8	5.9	89.6
2020	2.3	35.0	147.1	831.4	5.2	71.9
2021	2.5	35.5	141.8	772.3	5.2	51.5
2022	1.7	24.8	99.3	610.7	6.3	69.5
2023	1.6	27.2	89.3	801.6	3.8	55.5
Import						
2018	1.9	18.5	269.3	2,203.5	22.3	196.4
2019	2.0	20.0	276.1	2,405.5	18.0	151.9
2020	1.6	12.6	270.9	2,314.8	18.7	148.0
2021	0.4	9.0	309.9	2,658.0	27.9	223.3
2022	0.4	16.3	337.0	3,381.9	23.6	226.7
2023	1.2	29.9	308.2	3,216.9	22.1	207.3
Imbangan Dagangan						
2018		32.1		-1,681.1		-70.4
2019		27.2		-1,797.6		-62.3
2020		22.4		-1,483.4		-76.1
2021		26.5		-1,885.8		-171.8
2022		8.5		-2,566.7		-157.2
2023		-2.7		-2,415.4		-151.8

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 10: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Perikanan), 2018-2023 (samb.)

Tahun	Krustasea dan Moluska		Sediaan Ikan, Krustasea dan Moluska		Lain-lain Produk Ikan, Krustasea dan Moluska	
	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	72.4	1,382.4	39.7	681.1	46.0	217.7
2019	99.6	1,860.8	45.3	790.8	42.4	223.6
2020	94.6	1,584.2	45.5	745.4	631.0	244.7
2021	115.2	1,885.7	49.0	824.1	23.8	122.3
2022	94.2	1,936.7	48.4	949.8	25.3	169.3
2023	94.5	1,996.8	49.9	988.5	30.9	225.7
Import						
2018	65.4	1,034.2	33.1	583.8	22.3	98.5
2019	84.1	1,300.1	39.7	600.4	21.8	120.6
2020	93.8	1,264.8	42.9	742.5	40.1	175.5
2021	123.8	1,571.3	56.9	738.9	40.1	178.7
2022	131.1	2,035.6	81.6	883.2	45.4	233.4
2023	133.0	1,952.4	83.9	787.5	51.9	277.3
Imbangan Dagangan						
2018		348.1		97.3		119.2
2019		560.7		190.4		103.1
2020		319.4		2.9		69.2
2021		314.4		85.3		-56.4
2022		-98.9		66.6		-64.2
2023		44.4		200.9		-51.6

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 11: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Bijirin dan Sediaan Bijirin), 2018-2023

Tahun	Beras		Tepung Beras	
	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport				
2018	19.7	34.7	157.50	0.6
2019	24.9	44.9	190.50	0.7
2020	58.3	97.0	217.80	0.8
2021	96.3	161.3	33.70	0.2
2022	114.0	197.2	17.80	0.1
2023	123.4	221.2	36.30	0.2
Import				
2018	797.9	1,633.4	7,629.20	23.0
2019	960.3	1,871.9	5,029.50	19.0
2020	1,212.4	2,471.0	6,700.20	25.6
2021	1,153.7	2,382.7	5,736.90	23.0
2022	1,234.2	2,674.7	6,115.00	24.0
2023	1,401.2	3,732.0	7,329.60	29.5
Imbangan Dagangan				
2018		-1,598.8		-22.3
2019		-1,827.0		-18.3
2020		-2,374.0		-24.8
2021		-2,221.5		-22.7
2022		-2,477.5		-23.8
2023		-3,510.8		-29.3

Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Agromakanan dan Hasil Pertanian Terpilih, KPKM

Jadual 12: Eksport dan Import Agromakanan Mengikut Komoditi Pertanian Terpilih (Sayur-sayuran), 2018-2023

Tahun	Sayur-sayuran		Sayur-sayuran Tropika		Sayur-sayuran <i>Temperate</i>	
	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti ('000 tan)	Nilai (RM juta)
Eksport						
2018	446.5	1,297.8	193.1	699.5	196.6	598.3
2019	382.2	999.7	155.5	523.9	132.2	475.8
2020	339.5	1,014.9	144.2	530.7	128.9	484.2
2021	273.0	1,110.1	178.8	571.8	160.7	538.4
2022	287.7	1,274.5	189.1	631.4	193.2	643.1
2023	389.7	1,530.5	209.3	715.7	237.2	814.8
Import						
2018	2,140.7	4,628.4	422.2	1,320.9	1464.2	3,307.4
2019	2,022.8	4,635.4	402.9	1,066.9	883.0	3,568.5
2020	1,858.8	5,111.3	419.8	1,241.4	1390.0	3,869.9
2021	1,809.7	5,434.5	449.6	1,273.8	1409.2	4,160.7
2022	1,285.9	6,225.4	499.5	1,428.1	1523.3	4,797.3
